

09 JAN 2001

EKONOMI-BUMIPUTERA

DPMM SABAH KUPAS PERMASALAHAN USAHAWAN BUMIPUTERA

KOTA KINABALU, 9 Jan (Bernama) -- Ketika rakan-rakan mereka di Semenanjung mengorak langkah begitu jauh selaku tokoh korporat yang berjaya hingga ke peringkat antarabangsa, para usahawan Bumiputera di Sabah pula nampaknya masih terus bergelut mencari tempat sebagai tokoh korporat yang disegani.

Dengan berlatar-belakangkan kegiatan ekonomi kecil-kecilan, bersifat saradiri serta kepercayaan tradisi bahawa "rezeki secupak tidak akan jadi segantang," Sabah nampaknya terus dicari-cari tokoh korporat Bumiputera yang mampu berdiri sama tinggi dengan rakan mereka pada kaum lain.

Walaupun ada para usahawan Bumiputera di negeri ini yang mula mengecapi kejayaan demi kejayaan dalam dunia perniagaan, namun saiz dan skop perniagaan mereka agak kecil dan terhad hanya kepada bidang-bidang tertentu.

Apakah harapan yang ada bagi Bumiputera di negeri ini untuk melonjakkan diri setanding dengan tokoh korporat Bumiputera dari seberang Laut Cina Selatan?

Sempena Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah di sini bulan ini, wartawan Bernama, Newmond Tibin menemubual Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Cawangan Sabah, Mohamad Lan Allani untuk mendapatkan pandangan beliau terhadap pelbagai perkara berkaitan masa depan usahawan Bumiputera di negeri ini.

SOAL: Selepas kira-kira 40 tahun merdeka, rakyat meletakkan harapan tinggi kepada golongan Bumiputera untuk maju dalam bidang perniagaan. Apakah perbezaan usahawan Bumiputera dahulu dan sekarang daripada segi bentuk perniagaan dan bidang perniagaan yang diceburi?

JAWAB: Memang banyak perbezaannya. Kalau dulu, perniagaan hanya bersifat tradisional yang menjurus kepada perniagaan saradiri seperti gerai-gerai makanan dan kedai runcit. Pada umumnya perniagaan dijalankan di persekitaran komuniti bumiputera di mana mereka menetap. Perniagaan lain ialah berbentuk perniagaan bermusim misalnya di tamu-tamu atau pasar-pasar. Ini bergantung kepada penghasilan daripada usaha mereka umpamanya kegiatan pertanian dan perikanan. Daripada segi modal dan modal pusingan, memang pada masa dulu, ia adalah kecil dan premis perniagaan pula hanya tertumpu di rumah dan pendapatan mereka dengan sendirinya begitu kecil. Kalau dibandingkan pada masa lampau, walaupun masih ada yang berniaga secara tradisional, namun usahawan bumiputera ada peningkatan daripada segi bentuk. Ini didorong oleh kemudahan-kemudahan yang diberikan kerajaan atau agensi kerajaan yang sedia membantu peniaga-peniaga melalui pinjaman dan Bank Negara sendiri menggalakkan pengusaha untuk mengambil peluang daripada dana yang diwujudkan oleh bank itu untuk mengembangkan perniagaan. Sekarang keadaan telah berubah, sudah ada peniaga Bumiputera yang menjalankan perniagaan yang berkeupayaan secara komersil seperti membuka restoran. Daripada segi sistem, kalau dulu sistem bersifat saradiri, kini kita amat bangga menyatakan bahawa ada golongan Bumiputera di Sabah yang bersifat ingin maju dari segi pemilikan hartanah dan pengumpulan dana untuk memperbesarkan perniagaan mereka.

S: Ada pendapat yang mengatakan bahawa penglibatan usahawan Bumiputera terhad kepada bidang-bidang tertentu sahaja. Adakah YB bersetuju dengan tanggapan ini?

J: Saya kurang bersetuju dengan pandangan itu. Dulu skop perniagaan usahawan Bumiputera memang hanya terhad kepada perniagaan peruncitan

seperti gerai dan warung. Sekarang skop perniagaan kita begitu meluas...kita lihat kaum Bumiputera di Sabah terlibat dalam urusan perniagaan harta tanah dan pembinaan yang amat membanggakan. Ada juga usahawan Bumiputera yang terlibat dalam perkilangan seperti pembuatan perabot dan pakaian. Selain itu, mereka juga menceburkan diri dalam industri perkhidmatan, pengangkutan, penyediaan makanan, perkhidmatan profesional seperti peguam, jurutera, juruperunding, arkitek dan doktor serta perdagangan antarabangsa.

S: Bagaimanakah kejayaan usahawan di Sabah setakat ini?

J: Walaupun ada peningkatan kaum Bumiputera daripada segi penyertaan namun ia agak mendukacitakan kerana selepas kira-kira 40 tahun merdeka dan kerajaan telahpun merangka pelbagai cara supaya mereka maju dalam perniagaan... saya tidak dapat menunjukkan seorang Bumiputera di Sabah benar-benar berjaya. Apa yang jelas ialah belum ada seorang bumiputera benar-benar berjaya walaupun sasaran Dasar Ekonomi Baru supaya 30 peratus ke ekonomi di negara ini dikuasai oleh Bumiputera. Sebagai perbandingan, di Semenanjung pada tahun 1995, pegangan ekuiti bumiputera dalam sektor perniagaan ialah 20.9 peratus dan apabila dilanda kegawatan 1997, pegangan ini menurun kepada 19.4 peratus tetapi di Sabah, saya rasa walaupun pegangan itu ada, ia amat rendah berbanding apa yang dicapai oleh rakan-rakan di Semenanjung. Daripada segi kejayaan, tidak banyaklah yang boleh diperkatakan cuma saya mengharapkan semua pihak termasuk kerajaan dan dewan perniagaan bekerja keras untuk membantu merealisasikan wawasan kerajaan itu.

S: Pada pendapat YB, apakah faktor utama yang menyebabkan penyertaan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan masih di tahap rendah?

J: Senario ini berlaku kerana beberapa sebab. Pertama, Bumiputera memang tiada kemahiran semulajadi dalam ilmu perniagaan. Kalau adapun kemahiran ianya adalah pengetahuan yang diperolehi dan bukan semulajadi seperti yang dimiliki oleh masyarakat Cina yang mempunyai budaya berniaga yang tinggi. Kita memperolehi kemahiran sama ada secara kebetulan atau melalui latihan yang dianjurkan oleh kerajaan atau melalui pengajian tinggi. Selain itu, pendedahan dan latihan dalam bidang perniagaan dan keusahawaan di kalangan kaum Bumiputera amat rendah. Saya tidak nafikan sumbangan kerajaan melalui kementerian yang berkaitan dengan keusahawaan dan Mara tetapi ia tidak cukup kerana kursus ini bersifat jangka pendek.

Selain itu Bumiputera sendiri tidak mempunyai kuasa daripada segi modal. Kerajaan menyediakan modal melalui pinjaman tetapi sering kali maklumat mengenai dana ini tidak sampai kepada pengetahuan golongan Bumiputera, bukan sahaja kepada yang belum menceburkan diri dalam perniagaan tetapi juga yang sudah pun terlibat dalam perniagaan. Di samping itu kemajuan Bumiputera pada umumnya bergantung kepada bantuan kerajaan. Malangnya, apa yang kita lihat ada syarikat kerajaan yang bersaing dengan peniaga Bumiputera dalam bidang tertentu. Perkara ini amat mendukacitakan dan saya akan membawa perkara ini ke pihak atas untuk mencari jalan penyelesaian bagi membetulkan keadaan. Selain itu sikap kaum Bumiputera juga begitu negatif terhadap bidang perniagaan. Ada di kalangan peniaga Bumiputera apabila menceburkan diri dalam perniagaan mahu cepat kaya. Contohnya kalau mereka menceburkan diri dalam perniagaan tahun ini, tahun depan mereka mahu jadi kaya raya...inilah masalahnya, kita ada sindrom ingin cepat kaya di kalangan kaum Bumiputera tanpa bekerja lama atau tanpa membuat kerja yang lebih berat. Ini dapat kita lihat di mana apabila mereka dapat kontrak mereka "sub" kerja-kerja itu kepada bukan peniaga Bumiputera dan mereka mengharapkan bila disubkan mereka dapat kerja yang lain lagi. Ini menampakkan bahawa kaum bumi kurang jatidiri.

S: Bagaimana masa depan usahawan Bumiputera di Sabah dan apakah peluang-peluang yang boleh diceburi pada masa kini?

J: Sebenarnya peluang amat luas, sebelum DEB dilancarkan peluang adalah terhad. Kaum bumiputera adalah golongan yang terlewat menceburi bidang perniagaan. Antara bidang yang boleh diterokai ialah K-ekonomi, e-dagang dan perniagaan teknologi maklumat (IT) dan sebagainya. Dalam soal ini, saya rasa sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera, kita mempunyai peluang sama tara . Cuma kejayaan kita bergantung kepada diri kita sendiri. Kalau kita masih bersikap seperti dulu, tiada daya saing dan asyik mahu cepat kaya dan kita masih anggap ini untuk saradiri, kita mungkin tidak dapat mencapai kejayaan. Tetapi daripada segi peluang, kita memang ada peluang. Bidang lain yang boleh diterokai ialah industri hospitaliti seperti pusat pelancongan dan perhotelan. Bumiputera amat kurang dalam sektor ini. Selain itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menggalakkan kaum Bumiputera dalam industri peruncitan seperti perniagaan barangan elektronik. Usahawan Bumiputera juga seharusnya berusaha mengadakan perkongsian pintar bukan sahaja dengan masyarakat bukan bumiputera atau asing tetapi juga dengan masyarakat Bumiputera sendiri. Saya amat dukacita konsep perkongsian bijak (smart partnership) hanya berupa retorika tetapi daripada segi pelaksanaan tidak ada, kita perlukan perkongsian pintar yang boleh membuahkan hasil kepada rakan kongsi niaga.

S: Apakah harapan terhadap usahawan Bumiputera di negeri ini?

J: Saya mengharapkan supaya masyarakat kita merubah sikap agar lebih proaktif kepada aktiviti perniagaan atau keusahawanan dan mengikis sikap mahu cepat kaya. Kita juga harus memperbaiki diri, menanam disiplin yang tinggi dan sedar bahawa kejayaan hanya dapat diperolehi dengan usaha dan ketekunan...tidak ada jalan pintas untuk cepat berjaya dan cepat kaya. Saya juga berharap agensi kerajaan dapat menjalankan tugas mereka secara dedikasi dan dapat melaksanakan perancangan pemimpin negara yang mahu melihat kaum Bumiputera mengecapi 30 peratus kek ekonomi negara seboleh-bolehnya menjelang tahun 2020. -- BERNAMA

NT OS